

06/02/2000

Umno akan bukti (HL)

Kadir Dikoh; Mona Ahmad; Hazirah Che Sab

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno akan membuktikan bahawa beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Pas adalah bertentangan dengan akidah Islam.

Perdana Menteri berkata, Umno kini sedang mengumpulkan maklumat perlu dan akan mengemukakan bukti apabila proses itu selesai nanti.

"Kita akan buktikan. Kita sedang mengumpul maklumat," katanya yang juga Presiden Umno ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor bahawa Umno harus membuktikan tuduhan bahawa fatwa dikeluarkan oleh Pas adalah bertentangan dengan akidah Islam.

Dalam keluaran terbaru Harakah terbitan Pas, Fadzil dilaporkan berkata, dakwaan itu adalah melampau dan menyinggung perasaan sebahagian rakyat yang berpihak kepada parti pembangkang berkenaan.

Minggu lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata penyebaran fatwa serta pandangan yang berlawanan dengan akidah tidak akan dibenarkan walaupun atas nama kebebasan bersuara serta berpolitik.

Sehubungan itu, kata Abdullah, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan bertindak terhadap pihak terbabit jika terus mengeluarkan kenyataan seumpamanya sehingga menyelewengkan akidah umat Islam.

Abdullah ketika itu mengulas kenyataan dibuat oleh Pas di beberapa perhimpunan terutama sepanjang pilihan raya umum baru-baru ini bahawa parti itu Islam dan jika mengundi Pas, orang itu akan masuk syurga.

Terdahulu, Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran MCA di Jalan Ampang dekat sini, semalam.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai saranan pihak tertentu bahawa kod etika untuk calon yang bertanding dalam pemilihan Umno Mei ini, lebih menitikberatkan peraturan kepada calon dan bukan perwakilan biasa.

Mengenai isu ini, Dr Mahathir bagaimanapun berkata setiap kod etika ada kelemahannya tetapi semangatnya mestilah dipegang.

"Yang kita tak nak ialah salah guna wang dan sebagainya. Itu terpulanglah pada ahli," katanya.

Kod Etika Pemilihan itu yang diluluskan oleh mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno Khamis lalu, antara lain menyatakan calon tidak dibenarkan sama sekali untuk menghulur wang kepada perwakilan walaupun bagi tambang pengangkutan, bayaran penginapan dan belanja makanan.

Berikutan itu, ada pihak menyarankan kod etika itu perlu ditokok tambah supaya tindakan seperti menghilangkan hak perwakilan untuk mengundi dikenakan jika mereka didapati 'memeras ugut' calon supaya menghulurkan wang bagi tujuan itu jika mahu undi mereka.

Ditanya mengenai sejauh mana perpaduan orang Melayu selepas pilihan raya umum 29 November lalu, Dr Mahathir berkata perpaduan itu kini semakin bertambah baik berbanding sebelum ini.

"Kita akan usahakan untuk menyatupadukan semula orang Melayu. Mereka sebenarnya tidak mendapat penjelasan. Jadi kita akan memberikan penjelasan dan yakin orang Melayu akan bersatu padu semula selepas mendapat penjelasan.

"Sekarang pun sudah bersatu padu... cuma terdapat segelintir serpihan. Malah, sekarang ini orang Melayu lebih mesra... nampak orang Melayu lebih ramai datang (ke perhimpunan Tahun Baru Cina itu). Perpaduan lebih baik,"

katanya.

(END)